

UNIT KEBUDAYAN & KESENIAN HEPATIKA MEMBUKA LEMBARAN BARU

- BENGKEL NYANYIAN KOIR LAGU PATRIOTIK UNIMAP 2008

Oleh : Rosernifariza Ramlan dan Mashitoh Abu

8 hingga 10 Ogos 2008 - Unit Kebudayaan & Kesenian, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni telah mengadakan Bengkel Koir untuk memantapkan nyanyian Mahasiswa/i UniMAP. Bengkel Koir ini telah disertai oleh 12 mahasiswa dan 16 mahasiswi.

Peserta bengkel telah mempelajari beberapa teknik seperti asas notasi muzik, teknik vokal yang meliputi teknik sebutan atau lebih dikenali sebagai solfa (solfege) dan teknik penafasan (breathing). Peserta bengkel juga turut mempelajari teknik pendengaran yang lebih tepat seperti ear training dan aural skills. Selain itu, En. Mohd Izwan Izhar bin Haris, Pegawai Tadbir Unit Kebudayaan & Kesenian yang juga Pengerusi Program turut mengadakan audition kepada para peserta tersebut untuk mengetahui jenis suara yang dimiliki mereka sama Soprano, Alto, Tenor dan Bass seterusnya membahagikan mereka kepada empat kumpulan suara tersebut.

Unit Kebudayaan & Kesenian Pelajar juga telah menjemput tiga orang tenaga pengajar yang berpengalaman luas dan mempunyai ijazah di dalam bidang seni muzik, khasnya dalam seni suara ataupun vokal. Antaranya ialah En. Mohd Ghazali Shaaib iaitu penyanyi suara latar dari RTM, Cik Khairunissa Diyana Md Noor, pensyarah vokal sambilan dari ASWARA dan En. Amri Abdullah iaitu Guru Muzik dari

Jabatan Pendidikan Perlis. Ketiga-tiga tenaga pengajar ini telah memberi tunjuk ajar serta membantu peserta bengkel untuk menyanyikan Lagu-Lagu Patriotik dalam bentuk nyanyian Koir secara formal dan lebih baik.

En. Mohd Najmuddin bin Mohd Hassan, Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni telah merasmikan majlis penutup, dan penyerahan sijil kepada para peserta bengkel. Dalam ucapan penutupnya, beliau melahirkan hasrat agar Kumpulan Koir UniMAP ini akan lebih mantap, dan bengkel seumpama ini dapat diadakan pada masa akan datang. Beliau yang juga turut kagum dengan persembahan nyanyian koir daripada para peserta bengkel kerana dapat membuat persembahan dengan baik dalam masa yang singkat sahaja. Para peserta tersebut telah mempersembahkan nyanyian lagu patriotik Malaysia Baru dan Tanah Pusaka dengan penuh semangat.

Kumpulan Koir ini juga turut mendapat jemputan bagi mengadakan persembahan pada malam Perasmian Penutup Pesta Konvokesyen Ke-3 UniMAP 2008 yang diadakan di Dataran Kg. Wai pada 16 Ogos 2008 yang lalu. Adalah menjadi harapan bahawa, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) akan mempunyai kumpulan koir yang mantap, dan menempah kejayaan pada Pertandingan Koir IPTA MAKUM yang bakal disertai kelak.